

B B902 AAB
MAHATHIR-KEAMANAN ~~RRR~~
(EMBARGO UNTUK DISIARKAN SELEPAS PUKUL 2 PAGI, 31 JULAI)
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN
(1)

MOSCOW, 30 JULAI (BERNAMA) -- RANTAU ASIA PASIFIK AKAN TERUS BERPECAH DAN KEMUNGKINAN TIDAK STABIL JIKA USAHA-USAHA MENYELESAIKAN KONFLIK AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA TIDAK MENCAPAI KEJAYAAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN DI AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA MENJADI PERHATIAN UTAMA MALAYSIA KERANA IA MEMPERTINGKATKAN PERSAINGAN KUASA-KUASA BESAR YANG MENYEBABKAN POLARISASI DAN MEMECAH BELAHKAN RANTAU ITU.

BERUCAP DI JAMUAN MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN BELIAU OLEH KERAJAAN SOVIET UNION DI ISTANA BESAR KREMLIN DI SINI, PERDANA MENTERI YANG KINI DALAM LAWATAN RASMI SEMINGGU KE SOVIET UNION, MENEGASKAN MALAYSIA DAN ANGGOTA-ANGGOTA LAIN ASEAN SANGAT MENGAMBIL BERAT TENTANG PROSPEK BAGI KEAMANAN, KESTABILAN DAN KERJASAMA SERANTAU DI RANTAU ASIA-PASIFIK.

BAGAIMANAPUN, MENYEDARI HAKIKAT KEBERAGAMAN DAN KEPELBAGAIAN NEGARA-NEGARA DALAM RANTAU PASIFIK TIDAK MEMUNGKINKAN PENDEKATAN INSTITUSI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA PADA PERINGKAT AWAL PERLU DITUMPUKAN KE ARAH MEMECAHKAN KETEGANGAN DI RANTAU ITU.
-- LAGI

1908MST 30 07 87

B B904 AAB
MAHATHIR-KEAMANAN (EMBARGO) 2 MOSCOW ~~RRR~~

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK AKAN DAPAT MENERIMA APA YANG TELAH BERLAKU DI AFGHANISTAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENGALU-ALUKAN DASAR PENGUNDURAN SOVIET UNION YANG TELAH DINYATAKAN DAN INGIN MELIHAT PERSETUJUAN AWAL PADA MESYUARAT GENEVA MENGENAI PERKARA ITU.

+KAMI PERCAYA PRINSIP MENENTUKAN NASIB SENDIRI PERLU DIAMALKAN DI AFGHANISTAN+.

+WALAUPUN KAMI SEBUAH NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG KECIL, KAMI TETAP AKAN MENYATAKAN DENGAN JELAS PENDIRIAN KAMI TERHADAP SEBARANG PERKARA DI MANA PRINSIP-PRINSIP ASAS PERHUBUNGAN ANTARA NEGARA DIKETEPIKAN DAN DICABULI,+ KATANYA.

MENGENAI KAMPUCHEA, PERDANA MENTERI MENYOROTI BAHAWA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN MERUPAKAN YANG PERTAMA MENAWARKAN PERSAHABATAN DAN BANTUAN KEPADA VIETNAM, LAOS DAN KAMPUCHEA DI AKHIR PEPERANGAN KEDUA INDOCHINA PADA 1975.

LANGKAH ITU, KATANYA, DIDORONGI OLEH DOKTRIN ASEAN UNTUK MEMUPUK KERJASAMA SERANTAU DAN HASRATNYA KE ARAH PENGWUJUDAN ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI DI RANTAU ASIA TENGGARA MENERUSI KERJASAMA DAN INTERAKSI YANG BERKESAN, BERASASKAN PERSEFAHAMAN DAN KEYAKINAN BERSAMA, DI KALANGAN NEGARA-NEGARA KOMPONEN. -- LAGI

1918MST 30 07 87

D897

B B907 AAB
MAHATHIR-KEAMANAN (EMBARGO) 3 MOSCOW RRR

TANPA MENAMAKAN SOVIET UNION SECARA KHUSUS, PERDANA MENTERI MENEGASKAN REALITI DI KAMPUCHEA IALAH PENGABULAN SATU PRINSIP PENTING DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA, IAITU PENDUDUKAN SESEBUAH NEGARA (KAMPUCHEA) OLEH SATU KUASA LUAR.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA ASEAN TELAH MENGUTARAKAN BEBERAPA SYOR YANG WAJAR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA PERCAYA PERANAN SOVIET UNION KE ARAH PENYELESAIAN ADALAH KRITIKAL.

BELIAU MENGINGATKAN SOVIET UNION BAHAWA ASEAN SETAKAT INI TELAH MENGSYORKAN PENGUNDURAN TENTERA ASING DAN DIGANTIKAN DENGAN PASUKAN PENGAMANAN ANTARABANGSA UNTUK MEMASTIKAN YANG KAMPUCHEA TIDAK DIKUASAI OLEH MANA-MANA PARTI SEHINGGA PILIHAN RAYA UMUM BEBAS DIADAKAN BAGI PEMBENTUKAN KERAJAAN KAMPUCHEA YANG BERKECUALI.

INI AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT KAMPUCHEA YANG TELAH LAMA MENDERITA UNTUK MENENTUKAN SENDIRI MASA DEPAN MEREKA.

SAMBIL MEMBERI JAMINAN BAHAWA KEPENTINGAN SEMUA KUASA-KUASA LUAR AKAN TERPELIHARA DALAM PROSES INI, PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN TELAH BEKERJA KERAS UNTUK MENERUSKAN DIALOG DENGAN SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN AGAR PENYELESAIAN YANG DIHASRATKAN DAPAT DIRUNDINGKAN.

+KAMI YAKIN PERANAN SOVIET UNION DALAM PROSES INI ADALAH KRITIKAL,+ KATANYA. -- LAGI
1934MST 30 07 87

D899

B B912 AAB
MAHATHIR-KEAMANAN (EMBARGO) 4 MOSCOW

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU, BAGAIMANAPUN GEMBIRA BEBERAPA PEMIMPIN SOVIET TELAH BERTEMU DAN BERBINCANG ISU ITU DENGAN BEBERAPA PEMIMPIN ASEAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MERASAKAN RUNDINGANNYA DENGAN PEMIMPIN TERTINGGI SOVIET AWAL HARI INI DAN MALAM SEMALAM TELAH MEMPERTINGKATKAN LAGI PROSES PERUNDINGAN ITU.

KATANYA BELIAU DAN RAKAN-RAKAN SEJAWAT DALAM ASEAN AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN PADA PERSIDANGAN KEMUNCIAK ASEAN DI MANILA Hujung TAHUN INI UNTUK MENGAJI HASIL RUNDINGAN-RUNDINGAN YANG TELAH DIADAKAN. -- BERNAMA
1938MST 30 07 87